



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**04 Disember 2024
02 Jumadilakhir 1446H**

Utusan Malaysia	• Bantah projek kolam ternakan ikan dekat rumah penduduk • Bekalan ikan ketika musim tengkujuh di Pahang mencukupi • 38 penternak ikan kerapu rugi RM2 juta
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	• Kerajaan diminta tambah penerima elaun, tingkat pelepasan ikan
The Star	• Pahang govt: Monsoon won't keep fish supply down
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Pahang Media [Online]	• Sidang Dun: Pahang peneraju perikanan di pantai timur
Malaysiakini	•
Bernama	• Pahang jamin bekalan ikan mencukupi sepanjang MTL
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL	/	30	4/12/24

Bantah projek kolam ternakan ikan dekat rumah penduduk umr.my30

BAGAN SERAI: Penduduk di kawasan perumahan Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS) Batu 6, Bukit Merah di sini membantah projek pembinaan kolam ternakan ikan keli yang sedang dalam pembinaan kerana terlalu dekat dengan rumah penduduk.

Wakil penduduk, Hamidah Noor, 58, berkata, penduduk membantah projek itu kolam itu juga terlalu dekat dengan Tadika Kemas, taska, surau dan taman permainan kanak-kanak.

Menurutnya, penduduk tidak membantah pelaksanaan projek ternakan itu sebaliknya hanya membantah lokasi kolam yang tidak sesuai iaitu hanya kira-kira 20 meter dari rumahnya.

"Kawasan pembinaan kolam ini juga sebahagiannya adalah kawasan taman permainan kanak-kanak, juga tidak sampai tiga meter dari Tadika Kemas serta taska," katanya ketika ditemui di sini.

Menurut Hamidah, difahamkan projek itu dikelola oleh persatuan penduduk kawasan itu di bawah Skim Program Sejati Madani.

Dia percaya jika lokasi kolam ternakan itu tetap dibuat di situ, ia akan mendatangkan kesan yang buruk kepada penduduk setempat khususnya rumah yang berdekatan.

Katanya, antara perkara yang dibimbangkan ialah pencemaran bau yang mungkin terpaksa dihadapi penduduk.

"Air dari kolam ternakan ikan ini sudah tentu akan dibuang ke dalam longkang kawasan perumahan ini kerana tiada saluran yang lain untuk membuang air dari kolam ternakan," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Persatuan Penduduk PPMS itu, Muhammad Firdaus Shohimi berkata, projek itu mendapat kelulusan daripada Jabatan Perikanan Negeri Perak.

Menurutnya, projek ternakan ikan keli di situ menggunakan kaedah ternakan Bioflok iaitu kaedah ternakan yang pertama seumpama itu dilaksanakan di Daerah Kerian.

"Kaedah ternakan Bioflok ini lebih mesra alam yang mana pencemaran bau busuk tidak akan berlaku. Terdapat beberapa kelebihan lain dengan menggunakan kaedah ini," katanya.

Mengenai bantahan penduduk terhadap lokasi kolam yang terlalu dekat dengan rumah penduduk, Muhammad Firdaus berkata, bantahan mungkin disebabkan salah faham tentang kaedah yang bakal digunakan dalam projek ternakan yang akan dijalankan.

"Bantahan mungkin kerana kelewatan pihak persatuan memberi penjelasan kepada seluruh penduduk tentang kaedah ternakan yang akan digunakan. Mereka mungkin menyangka kolam ternakan yang akan dibangunkan mungkin sama dengan kaedah ternakan yang pernah mereka lihat dan berlaku pencemaran bau busuk," jelasnya.

JENIS AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		✓	NEGATIF		NEUTRAL			31	4/12/24

Bekalan ikan ketika tengkujuh di Pahang mencukupi

um/m31

KUANTAN: Bekalan ikan di negeri ini mencukupi sepanjang tempoh Monsun Timur Laut (MTL) yang bermula 5 November lalu sehingga Mac tahun depan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan negeri, Datuk Seri Mohd. Soffi Abd. Razak berkata, jaminan itu diberikan berdasarkan kepada jumlah data pendaratan ikan di negeri ini tahun lalu.

Katanya, pada tahun lalu, sebanyak 136,853 tan metrik pengeluaran ikan meliputi tangkapan laut, akuakultur dan perikanan darat sungai dikeluarkan melibatkan nilai berjumlah RM1.32 bilion.

"Ta sekali gus menunjukkan Pahang sudah menghasilkan pengeluaran atau pendaratan ikan yang lebih sehingga boleh dipasarkan keluar dari negeri ini, memabatkan kira-kira 5,071.92 tan metrik sebulan.

"Ia adalah peningkatan kira-kira enam peratus daripada sudut kuantiti dan 15 peratus daripada sudut nilai berbanding tahun 2022 iaitu 129,522 tan metrik yang bernilai RM1.15 bilion. Ia adalah yang tertinggi di Pantai Timur sekali gus mengekalkan status Pahang sebagai peneraju perikanan di Pantai Timur.

"Pendaratan atau pengeluaran perikanan tangkapan laut bagi 2023 (menyumbang) RM910 juta, akuakultur sebanyak RM354 juta dan perikanan darat adalah RM53.5 juta," katanya semasa menjawab pertanyaan Datuk Seri Mohd. Johari Hussain (BN-Tioman) berkaitan status bekalan ikan



MOHD. SOFFI ABD. RAZAK

di Pahang pada masa ini berikutan musim MTL pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) di Wisma Sri Pahang di sini.

Mohd. Soffi dalam pada itu berkata, beberapa tindakan segera sudah pun diambil menerusi Jabatan Perikanan negeri dalam membantu pengusaha ternakan ikan sangkar Sungai Pahang khususnya yang terkesan banjir.

"Antaranya melakukan hebahan lebih awal melalui notis dan surat sejak Oktober supaya mereka lebih bersedia menghadapi MTL dan kemungkinan banjir, meminta pengusaha dan penternak memeriksa serta mengikat sangkar dengan kukuh.

"Nelayan dicadangkan merancang dan menjual ikan bersesuaian saiz pasaran sebelum musim tengkujuh dan melaporkan Pejabat Perikanan Daerah jika terkesan dengan bencana mengikut prosedur seperti laporan polis supaya bantuan melalui Tabung Bencana Pertanian dari Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dapat disalurkan apabila musim MTL telah berlalu," katanya.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	✓	NEUTRAL		32	4/12/24

38 penternak ikan kerapu rugi RM2 juta

Oleh TOREK SULONG
utusannews@mediamulia.com.my

PASIR PUTEH: Seramai 38 penternak mendakwa kerugian RM2 juta selepas 100,000 ekor ikan kerapu hibrid mati setelah kawasan ternakan hidupan itu dimasuki air banjir di Taman Akuakultur Laguna Sungai Semerak, di sini Rabu lalu.

Pengerusi Persatuan Penternak Ikan Laguna Semerak, Mustapha Bakar berkata, keadaan air di laguna berkenaan bertukar keruh sejak banjir melanda menyebabkan sebahagian besar ikan kerapu mati.

Katanya, keadaan itu berlaku disebabkan muara yang baru digali di Kuala Semerak tertimbus sebelum air laut tidak boleh masuk ke lokasi penternakan.

"Penternak sudah mengambil inisiatif sendiri menyewa jengkaut dan menggunakan paip besar bagi untuk menyalurkan air ke dalam sangkar, namun gagal.

"Kami sudah mengeluarkan belanja lebih RM6,000 untuk membaik pulih muara, namun kandungan air masin tetap pada kadar 0.0 siniliti (ukuran kemasinan air) yang tidak sesuai untuk hidupan marin," katanya ketika ditemui di Taman Akuakultur Laguna Sungai Semerak, di sini semalam.

Mustapha berkata, keadaan itu menyebabkan seorang penternak mengalami keru-



WAN Ahmad Taufik menunjukkan ikan peliharaannya yang mati selepas air banjir masuk ke kawasan sangkar di Laguna Sungai Semerak, Pasir Puteh, Kelantan. - UTUSAN/TOREK SULONG

gian antara RM10,000 hingga RM250,000 berdasarkan purata bilangan ikan yang mati selepas bancia awal dibuat untuk dilaporkan kepada Jabatan Perikanan Kelantan.

Sementara itu, seorang penternak, Wan Ahmad Taufik Wan Shukri, 26, berkata, hampir keseluruhan ikan yang ditenak di dalam 80 sangkar selama tujuh bulan terapung di permukaan air sejak Rabu lalu.

Katanya, ikan kerapu seberat 900 gram setiap ekor yang sudah mati terpaksa diangkat ke

daratan berikutan bimbang berlaku jangkitan kepada ikan yang masih boleh diselamatkan.

"Harga pasaran runcit ikan kerapu hibrid dianggarkan RM30 hingga RM60 sekilogram. Kebanyakan ikan yang mati puratanya bernilai RM20 setiap ekor.

"Ikan yang ditenak oleh 38 penternak di sini sepatutnya boleh dijual dalam tempoh dua hingga tiga bulan akan datang. Akuakultur Laguna Sungai Semerak merupakan pembekal dan pengeluar ikan kerapu hibrid dan siakap terbesar di Kelantan," ujarnya.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL	/	22	4/12/24

Kerajaan diminta tambah penerima elaun, tingkat pelepasan anak ikan

KUALA KEDAH - Kerajaan diminta menambah bilangan penerima elaun sara hidup nelayan yang kini dinikmati kira-kira hampir 40,000 penerima di seluruh negara.

Pengerusi Persatuan Pendidik dan Kebajikan Jaringan Nelayan Pantai Malaysia (Jaring), Che Ani Mat Zain berkata, pihaknya berharap jumlah penerima dapat ditingkatkan kerana terdapat lebih 60,000 nelayan kecil yang masih memerlukan bantuan dan perhatian daripada kerajaan.

Menurutnya, keprihatinan kerajaan



CHE ANI

dalam melonggarkan permohonan elaun itu mampu membantu meringankan beban nelayan yang benar-benar memerlukan.

"Ramai nelayan kecil yang mengeluh kerana tidak menerima elaun sara hidup ini. Agensi berkaitan perlu melihat kembali prosedur operasi standard permohonan elaun kerana ada dalam kalangan mereka yang sangat memerlukan

kan terutamanya pada peralihan Monsun Timur Laut ini kerana ikan sangat kurang," katanya.

Jelas Che Ani, kehidupan nelayan ke-

cil bergantung kepada pendapatan harian hasil yang diperoleh di laut.

Mengulas mengenai dakwaan nelayan kecil bahawa hasil ikan semakin berkurang di perairan negara, beliau mengakui perkara tersebut, malah masalah itu telah lama dibangkitkan.

Katanya, aktiviti penangkapan secara haram seperti penggunaan pukut tunda telah mengancam pembiakan ikan.

"Agensi penguatkuasaan di perairan negara digesa meningkatkan kawalan dalam membanteras aktiviti tangkapan ikan secara haram ini.

"Pihak berkuasa perlu menyita bot yang melakukan kesalahan sama berulang kali, agar menjadi pengajaran ke-

pada pemilik bot yang lain supaya tidak melakukan perkara sama," ujarnya.

Tambahnya, Jaring juga berharap agar pelepasan anak ikan dapat ditingkatkan di seluruh perairan negara bagi meningkatkan bekalan dan populasi ikan.

Katanya, kerajaan juga perlu memperuntukkan dana untuk menambah jumlah tukun tiruan di kawasan strategik sebagai antara langkah untuk mencegah penggunaan pukut tunda.

"Tukun ini bukan sahaja mampu jadi tempat pembiakan ikan, tetapi pada waktu sama mampu menghentikan aktiviti pukut tunda haram kerana apabila tersangkut pada tukun, ia akan rosak dan tidak dapat digunakan lagi," katanya.

BERNAMA								MUKA SURAT	TARIKH	
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR	/	NANYANG SIANG PAU				
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		/	NEGATIF			NEUTRAL			3	4/12/24

Pahang govt: Monsoon won't keep fish supply down

KUANTAN: The Pahang government has given its assurance that there will be sufficient fish supply throughout the northeast monsoon season, which is expected to last until March next year.

State agriculture, agro-based industry and biotechnology committee chairman Datuk Seri Mohd Soffi Abd Razak said the assurance was based on fish production data from 2023, which recorded 136,853 tonnes from marine capture fisheries, aqua-

culture and inland capture fisheries.

He said the RM1.32bil in fish production showed that Pahang produced 5,071.92 tonnes of fish per month, which could be marketed outside the state.

"It is an increase of about 6% in quantity and a 15% rise in value compared with 2022, which recorded 129,522 tonnes worth RM1.15bil. It is the highest on the east coast.

"Last year, marine catch fishe-

ries contributed RM910mil, aquaculture RM354mil and inland fisheries RM53.5mil," he said during the state assembly sitting yesterday, Bernama reported.

He said this in response to a question from Datuk Seri Mohd Johari Hussain (BN-Tioman), who had asked about the current status of fish supplies following the start of the northeast monsoon in early November.

Meanwhile, Mohd Soffi said the state Fisheries Department had

taken immediate measures to assist Sungai Pahang caged fish breeders, especially those affected by the floods.

"(Among the measures taken are) notifying the public early through notices and letters since October to help them prepare for the monsoon season and possible floods and urging operators and breeders to check and firmly secure their cages.

"Other measures include planning and selling fish suitable for

the market and reporting to district fisheries offices if affected by disasters, following procedures like filing police reports to enable aid from the Agricultural Disaster Fund," he said.

Based on records, the state government provided disaster fund assistance totalling RM307,425 to 45 farmers in 2020, RM463,000 to 179 farmers in 2021, RM1,951,767 to 275 farmers in 2022 and RM192,470.85 to 42 farmers last year.

PAHANG JAMIN BEKALAN IKAN MENCUKUPI SEPANJANG MTL

KUANTAN, 3 Dis (Bernama) -- Kerajaan Pahang memberi jaminan bekalan ikan mencukupi sepanjang tempoh Monsun Timur Laut (MTL) yang dijangka berterusan hingga Mac 2025, kata Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan negeri Datuk Seri Mohd Soffi Abd Razak.

Beliau berkata jaminan itu berdasarkan data pendaratan ikan di negeri ini pada 2023 yang berjumlah 136,853 tan metrik, merangkumi hasil tangkapan laut, sungai dan sektor akuakultur dengan nilai RM1.32 bilion yang merupakan tertinggi di Pantai Timur.

"Jumlah itu meningkat sebanyak enam peratus dari segi kuantiti dan 15 peratus dari sudut nilai berbanding 2022 yang mencatatkan 129,522 tan metrik ikan bernilai RM1.15 bilion, dan mengekalkan status Pahang sebagai peneraju sektor perikanan," katanya pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pahang di Wisma Sri Pahang di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Seri Mohd Johari Hussain (BN-Tioman) yang ingin mengetahui status bekalan ikan di Pahang pada masa ini berikutan musim MTL yang sudah bermula sejak awal November lepas.

Mohd Soffi berkata jumlah yang direkodkan pada tahun lepas menunjukkan Pahang mencatatkan lebih pengeluaran ikan sehingga boleh dipasarkan ke luar daripada negeri itu, membabitkan kira-kira 5,071.92 tan metrik sebulan.

"Pendaratan tangkapan laut bagi 2023 (menyumbang) RM910 juta, akuakultur RM354 juta dan perikanan darat RM53.5 juta," katanya.

Menyentuh mengenai tindakan kerajaan dalam membantu penternak ikan dalam sangkar di Sungai Pahang khususnya yang terkesan banjir, Mohd Soffi berkata beberapa tindakan segera telah diambil menerusi Jabatan Perikanan negeri.

Beliau berkata antaranya membuat hebahan awal sejak Oktober supaya penternak lebih bersedia menghadapi MTL, dengan meminta mereka memeriksa serta mengikat sangkar dengan kukuh selain merancang dan menjual ikan yang sesuai dengan saiz pasaran sebelum musim tengkujuh.

"Mereka juga dimaklumkan supaya melaporkan kepada Pejabat Perikanan Daerah masing-masing jika terkesan dengan bencana mengikut prosedur seperti laporan polis dan sebagainya, agar bantuan melalui Tabung Bencana Pertanian, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dapat disalurkan," katanya.

Mengikut rekod, kerajaan negeri melalui Jabatan Perikanan telah membantu pengusaha akuakultur yang terkesan dengan nilai bantuan RM307,425 kepada 45 penternak pada 2020, RM463,000 kepada 179 penternak (2021), RM1.95 juta kepada 275 penternak (2022) dan RM192,470 kepada 42 penternak pada tahun lepas.

-- BERNAMA

SIDANG DUN : PAHANG PENERAJU PERIKANAN DI PANTAI TIMUR



KUANTAN, 3 DISEMBER 2024 : Negeri Pahang berjaya mengekalkan status sebagai peneraju perikanan di Pantai Timur apabila jumlah keseluruhan pengeluaran ikan makan pada tahun 2023 meningkat sebanyak 6 peratus dari sudut kuantiti dan 15 peratus dari sudut nilai berbanding 2022.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan Negeri Pahang, YB. Dato' Sri Ir Haji Mohd Soffi Tan Sri Abd Razak berkata, jumlah keseluruhan ini merangkumi ketiga-tiga subsektor perikanan iaitu perikanan tangkapan (laut) RM910 juta, akuakultur (RM354 juta) dan perikanan darat (sungai) RM53.5 juta.

"Jumlah keseluruhan pengeluaran ikan makan merangkumi ketiga-tiga subsektor – perikanan tangkapan (laut), akuakultur dan perikanan darat (sungai) bagi Negeri Pahang pada tahun 2023 ialah 136,853 tan metrik yang bernilai RM1.32 bilion.

SIDANG DUN : PAHANG PENERAJU PERIKANAN DI PANTAI TIMUR

“Ia merupakan peningkatan kira-kira 6 peratus dari sudut kuantiti dan 15 peratus dari sudut nilai berbanding tahun 2022 iaitu 129,522 tan metrik yang bernilai RM1.15 bilion. Ia adalah yang tertinggi di Pantai Timur sekaligus mengekalkan status Negeri Pahang sebagai peneraju perikanan di Pantai Timur,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tioman, YB. Dato’ Sri Mohd Johari Hussain pada Sesi Pertanyaan-Pertanyaan Lisan Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-3 Dewan Negeri Pahang Ke-15 di Wisma Sri Pahang, Kuantan, hari ini.

Dalam pada itu, beliau berkata, terdapat beberapa faktor kelebihan bagi subsektor perikanan tangkapan di Pahang iaitu kemudahan infrastruktur di jeti perikanan kendalian Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan harga pasaran ikan yang kompetitif.

Bagi memperkasa industri akuakultur di Pahang, kerajaan sedang melaksanakan Projek Pembangunan Integrasi Akuakultur (PPIA Sistem Sangkar Bersepadu) bernilai kira-kira RM6.89 juta pada tahun ini membabitkan lima daerah, 11 kluster dan 43 peserta.

Jabatan Perikanan akan terus memperkasakan kedua-dua Pusat Pengembangan Akuakultur (PPA) di Bukit Tinggi, Bentong dan Perlok, Jerantut bagi pengeluaran benih ikan ternakan yang telah mencapai pengeluaran sehingga 5 juta ekor pada 2024 berbanding 4.9 juta pada 2023. – PAHANG MEDIA